

**LEMBAGA TABUNG AMANAH WARISAN
NEGERI TERENGGANU**

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa bagi yang berkelayakan sahaja bagi memohon jawatan berikut :

Nama Jawatan : Penolong Eksekutif (Khidmat Pengurusan) Gred N19
Taraf Jawatan : Kontrak
Klasifikasi : Pengurusan
Kumpulan Perkhidmatan : Kumpulan Sokongan II

1. BIDANG TUGAS

Bertanggungjawab menguruskan pentadbiran harian pejabat dan sistem fail Bahagian Khidmat Pengurusan, Menyelaras urusan surat-menyurat dan dokumen rasmi jabatan agar sentiasa teratur, membantu menguruskan platform media sosial rasmi LTAWNT secara kreatif dan konsisten, membantu menyediakan bahan grafik bagi tujuan hebahan korporat, poster, dan multimedia, membantu memberikan sokongan pentadbiran bagi mesyuarat dan majlis-majlis rasmi LTAWNT.

2. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

Warganegara Malaysia(keutamaan kepada Rakyat Negeri Terengganu);

Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

Mempunyai kelayakan sebagaimana berikut :

- i. Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dengan mendapat **Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu**.
- ii. Berkemahiran tinggi dalam **pengurusan media sosial** dan kemahiran **rekaan grafik**.
- iii. Mempunyai kebolehan **komunikasi interpersonal** yang baik dan berkesan dan
- iv. Mempunyai pengalaman sekurang – kurangnya 3 tahun dalam bidang berkaitan.

3. PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi boleh ditetapkan oleh LTAWNT berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

4. TEMPOH KONTRAK

Tempoh tawaran kontrak 1 tahun ATAU tempoh masa yang difikirkan perlu.

5. CARA MEMOHON

- i. Syarat – syarat lantikan boleh dimuat turun melalui laman web rasmi Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT).
- ii. Pemohon hendaklah memohon secara atas talian di laman web <https://ltawnt.gov.my> atau mengimbas kod QR di bawah.
- iii. Pemohon yang disenari pendek sahaja akan dipanggil temuduga. Pemohon dianggap gagal sekiranya tidak mendapat sebarang jawapan / maklum balas dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup.

Tarikh Tutup : **30 Julai 2026**

